



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PERANAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)  
DALAM MENGUKUHKAN PERPADUAN**

---

**17 Disember 2022, Shah Alam (Selangor)** – Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan **Mesyuarat Perhimpunan Agung Kebangsaan Khas Persatuan Belia Buddhist Malaysia (YBAM)** bertempat di Persatuan Penganut Agama Buddha Shah Alam (Shah Alam Buddhist Society).

2. YBAM mempunyai 272 ahli organisasi dan 13 ahli jawatankuasa perhubungan negeri di seluruh negara Malaysia. Terdapat 26 ahli organisasi yang berada di TIGA zon negeri Sarawak, iaitu;

- (i). Zon Selatan yang merangkumi Kuching, Samarahan, Sri Aman, dan Betong;
- (ii). Zon Tengah yang merangkumi Saratok, Sarikei, Sibul, Kapit, Mukah dan Dalat; dan
- (iii). Zon Utara yang merangkumi Bintulu, Miri, Limbang, Lawas, Marudi, Long Lama, dan Batu Niah.

3. Dalam ucapan beliau, YB Datuk Aaron menyatakan selain aktiviti dan upacara agama, YBAM juga menganjurkan Malam Kebudayaan untuk merapatkan hubungan komuniti tempatan dan mempamerkan keindahan kepelbagaian agama, etnik dan budaya.

4. Beliau turut menyatakan Badan Bukan Kerajaan (NGO) memainkan peranan yang amat penting terutama dalam menyokong usaha-usaha Kerajaan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia.

5. YB Menteri Perpaduan juga menegaskan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) turut mengiktiraf peranan penting NGO dalam mendukung usaha-usaha pemeraksanaan perpaduan masyarakat majmuk melalui strategi-strategi yang telah digariskan di dalam **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** melalui **Teras Perpaduan 2, Strategi 2: Mengukuhkan Kefahaman Agama, Budaya dan Adat Resam Pelbagai Etnik.**

6. Justeru, adalah diharapkan agar semua pihak termasuk NGO bersama dengan KPN untuk melaksanakan agenda perpaduan nasional.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

17 Disember 2022

-TAMAT-

### **Pertanyaan Media:**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (152)